

21 APR 2002

Umno-Sabah

UMNO SABAH TETAP KUKUH WALAU PEMBANGKANG CUBA LAGAKAN PEMIMPIN, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Umno Sabah terus kukuh dan berkembang biarpun parti pembangkang khususnya Pas dan Parti Keadilan cuba meluaskan pengaruh mereka di negeri itu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman berkata walaupun Pas sudah 10 tahun dan Keadilan selama tiga tahun, cuba menarik sokongan rakyat Sabah tetapi Umno Sabah tidak tergugat malahan semakin utuh.

"Umno Sabah telah lama bekerja keras dan kita bersedia pada bila-bila masa untuk hadapi tentangan daripada pembangkang dalam pilihan raya," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Wanita Umno Bahagian Seputeh di sini hari ini.

Musa berkata penyokong Umno di Sabah tidak terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang yang cuba melaga-lagakan pucuk pimpinan tertinggi Umno menerusi soal siapa pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka ingin campuri urusan rumahtangga Umno. Nampaknya selepas gunakan isu agama, kini mereka cuba melaga-lagakan antara pemimpin Umno, tetapi kita yakin mereka tidak akan berjaya," katanya.

Pas sejak akhir-akhir sering membangkitkan isu kepimpinan Umno menerusi Harakah dan Harakah On-Line.

Musa berkata rakyat Sabah khususnya telah dapat menilai keupayaan Umno dan Barisan Nasional dalam membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat, seperti yang dikecapi oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

WNZ ZS MAI